

23 JUN 2001
Umno-Rafidah

WANITA UMNO AKAN KUNJUNGI PELAJAR LUAR NEGARA

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- Pergerakan Wanita Umno akan menganjurkan satu aktiviti secara tetap bagi menemui dan mendekati pelajar Malaysia di luar negara tidak lama lagi.

Ketua pergerakan itu Datuk Seri Rafidah Aziz hari ini berkata aktiviti menemui pelajar itu sebenarnya adalah atas permintaan para pelajar di luar negara yang bertemu dengan Wanita Umno pada perhimpunan Umno yang sedang berlangsung.

Katanya sebelum ini aktiviti seumpama itu dijalankan oleh beliau secara persendirian bagi membolehkan pelajar mendapat maklumat semasa dan berdialog secara tertutup.

"Ia akan dijadikan aktiviti tetap Wanita Umno kerana ramai pelajar, termasuk pelajar lelaki, mahukan kami pergi jumpa mereka...kami akan lakukannya", katanya kepada pemberita di luar dewan tempat berlangsungnya Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Rafidah berkata beliau akan menyerahkan surat rasmi kepada presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai program berkenaan dengan segera dan memohon peruntukan daripada Umno untuk tujuan lawatan itu.

Katanya aktiviti itu akan disertai barisan Exco Wanita dan mereka akan diagih-agihkan tugas bagi melawat pelajar Malaysia di serata pusat pengajian tinggi di seluruh dunia.

"Kita akan mendekati mereka seperti seorang ibu, masak untuk mereka dan berbual bertanyakan masalah di samping memberi nasihat," kata Rafidah.

-- BERNAMA
AZE ZS RON